



**PERKESO**

## **PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**

**MENARA PERKESO  
281, JALAN AMPANG  
50538 KUALA LUMPUR  
TEL : 03 – 42535320**

### **PEKELILING MAJIKAN NO. 1 TAHUN 2005 AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA, 1969**

#### **PENDAHULUAN**

Akta Keselamatan Sosial Pekerja ( Pindaan ) 2004 telah pun diwartakan pada 28 April 2005 dan berkuatkuasa mulai 1 Mei 2005. Di antara pindaan yang akan dilaksanakan ini ialah memperluaskan liputan Akta supaya lebih ramai lagi pekerja mendapat perlindungan keselamatan sosial terutama kepada pekerja yang bergaji RM3000/- atau kurang sebulan.

#### **TUJUAN**

2. Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan kepada majikan mengenai pindaan tersebut dan tarikh kuatkuasanya.

#### **PENJELASAN**

3. Penjelasan itu adalah seperti berikut :-

##### **3.1 Liputan**

Sebelum **1 Mei 2005**, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 meliputi pekerja-pekerja yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau kontrak perantisan yang bergaji RM2000/- atau kurang sebulan tertakluk kepada prinsip 'sekali-layak-terus-layak'. Dengan pindaan ini, mulai **1 Mei 2005**, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 akan meliputi:-

- (i) pekerja-pekerja yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau kontrak perantisan yang bergaji RM3000/- atau kurang sebulan tertakluk kepada prinsip 'sekali-layak-terus-layak'. Ini bermakna, semua pekerja yang belum pernah layak diliputi oleh Akta ini sebelum **1 Mei 2005** akan layak diliputi mulai tarikh itu jika gaji mereka RM3000/- atau kurang sebulan. Bagi tujuan pendaftaran pekerja sedemikian, majikan hendaklah menyempurnakan Borang 2 ( Borang Pendaftaran Pekerja ) dan menghantar borang itu ke Pejabat Pengarah Negeri atau Pengurus Pejabat, Pertubuhan Keselamatan Sosial yang berkenaan.

**DAN**

- (ii) pekerja-pekerja yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau kontrak perantisan yang bergaji melebihi RM3000/- sebulan yang belum pernah layak di bawah Akta tetapi atas persetujuan kedua-dua belah pihak iaitu majikan dan pekerja telah memilih untuk diliputi di bawah Akta. Ini bermakna, mulai **1 Mei 2005**, jika ada pekerja yang bergaji melebihi RM3000/- sebulan yang belum pernah layak di bawah Akta sebelum **1 Mei 2005** yang memilih untuk diliputi di bawah Akta dan majikan bersetuju dengan liputan itu, majikan hendaklah mendapatkan 'Notis Pilihan' di Pejabat PERKESO yang berkenaan dan menghantar Notis itu bersama-sama dengan Borang 2 yang telah disempurnakan kepada Pejabat itu. Pekerja sedemikian adalah disifatkan sebagai pekerja yang layak diliputi di bawah Akta itu dari tarikh notis itu diterima oleh Pejabat PERKESO yang berkenaan dan prinsip 'sekali-layak-terus-layak' terpakai kepadanya.

( **PERHATIAN** – Bagi seseorang pekerja yang mana Notis Pilihannya telah diterima oleh PERKESO dari majikannya yang terdahulu, Notis sedemikian tidak diperlukan lagi. )

### 3.2 Prinsip 'sekali-layak-terus-layak'

Di bawah Jadual Pertama kepada Akta ini, di mana seseorang pekerja menjadi layak membayar caruman terhadap **Skim Insurans Bencana Pekerjaan** atau **Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat**, caruman terhadap skim atau skim-skim sedemikian hendaklah diteruskan selepasnya ( walaupun gajinya melebihi RM3000/- sebulan ) selagi dia diambilkerja dalam perusahaan yang layak diliputi di bawah Akta. Dalam hubungan ini, sila ambil perhatian bahawa orang-orang berikut adalah **TERKELUAR** dari liputan di bawah Skim Pencen Ilat:-

- (a) seseorang pekerja yang telah mencapai **umur 50 tahun dan tiada apa-apa caruman yang telah kena dibayar** berkenaan dengannya sebelum dia mencapai umur itu;
- (b) seseorang pekerja yang telah **mencapai umur 55 tahun**;
- (c) seseorang yang **diperakui ilat yang sedang menerima pencen ilat**.

Memandangkan kepada hal-hal tersebut di atas, Jadual di Lampiran A hendaklah sentiasa dirujuk untuk memastikan bahawa caruman jenis yang betul adalah dibayar. Boleh diperhatikan dari Jadual itu bahawa :-

- (a) Caruman **JENIS PERTAMA** hendaklah dibayar bagi seseorang pekerja yang layak untuk diliputi di bawah kedua-dua skim iaitu **Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat**.
- (b) Caruman **JENIS KEDUA** hendaklah dibayar bagi seseorang pekerja yang layak untuk diliputi di bawah **Skim Insurans Bencana Pekerjaan** sahaja.

### 3.3 Caruman

Berikutan kenaikan had gaji kepada RM3000/- itu, kumpulan-kumpulan gaji bagi tujuan bayaran caruman telah ditambah daripada 24 kumpulan gaji kepada **34 kumpulan** gaji. Sila rujuk **LAMPIRAN A** bagi kadar caruman tambahan itu.

Ini bermakna, mulai caruman bulan **Mei 2005**..( yang mana kena dibayar selewat-lewatnya pada **30 Jun 2005**.) yang mana adalah berdasarkan gaji bulan Mei 2005., bagi pekerja yang bergaji lebih daripada RM2000/- sebulan, kadar carumannya hendaklah diselaraskan mengikut kadar caruman tambahan itu.

#### Contoh

- (a) Sekiranya seseorang pekerja layak mencarum di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat sebelum **1 Mei 2005** dan gajinya bagi bulan **Mei 2005** ialah RM2070/-, caruman yang kena dibayar untuknya bagi bulan **Mei 2005** ialah **RM 46.10**.( Jenis Pertama). Jika gajinya melebihi RM3000/- sebulan, jumlah caruman yang kena dibayar untuknya ialah **RM 66.40**.

- (b) Sekiranya seseorang pekerja layak mencarum di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan sahaja sebelum **1hb Mei 2005** dan gajinya bagi bulan **Mei 2005** ialah RM2070/-, caruman yang kena dibayar untuknya bagi bulan **Mei 2005** ialah **RM25.60** ( Jenis Kedua ). Jika gajinya melebihi RM3000/- sebulan, jumlah caruman yang kena dibayar untuknya ialah **RM36.90**

## **PERTANYAAN**

4. Jika majikan berkehendakkan apa-apa penjelasan berhubung dengan pekeliling ini, sila berhubung dengan mana-mana Pejabat PERKESO yang berdekatan.

## **'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,



( **DR. SOH CHEE SENG** )  
Ketua Eksekutif  
Pertubuhan Keselamatan Sosia

5 MEI 2005  
KEPADA SEMUA MAJIKAN BERDAFTAR.

PKS : 208/157/4(69)